

UUM / 8053 / BH / 06.09.2001.

UUM rancang perubahan drastik

Oleh Ibrahim Saad dan Mohd Azrone Sarabatin

HARI ini genap 100 hari Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Basri menerajui Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai Naib Canselor (NC).

Pendedahannya mengenai militan Islam membabitkan pensyarah dan pelajar universiti itu dianggap sebagai kemuncak kejayaannya selaku NC dalam tempoh itu. Bagaimanapun, dalam temu ramah khas sempena 100 hari sebagai NC, beliau menafikan andaian itu.

"Gerakan militan bukan fenomena yang menghantui pensyarah dan pelajar UUM. Hanya segelintir di kalangan mereka terbabit. Saya perlu mendedahkannya bagi memastikan ia tidak menular di kalangan pensyarah dan pelajar yang keseluruhannya mencintai keamanan," katanya.

Mengulas mengenai pencapaiannya dalam tempoh 100 hari sebagai NC, beliau berkata: "Saya tidak meletakkan sebarang target untuk dicapai dalam tempoh itu. Apa yang saya lakukan ialah perancangan yang dilaksanakan secara berperingkat dengan kesannya dapat dilihat dalam tempoh tiga tahun saya menjadi NC".

Dalam tempoh tiga tahun itu beliau akan melaksanakan perubahan yang ketara dan drastik bagi memastikan UUM wujud sebagai sebuah universiti berprestij dan berupaya melahirkan pelajar yang dapat memenuhi aspirasi negara bagi menghadapi era globalisasi dan digital dalam alaf baru ini. Di samping itu, beberapa tradisi yang unggul akan tetap dipelihara dan diberi kesinambungan.

Menurut Dr Ahmad Fawzi,

Satu elemen baru akan diperkenalkan iaitu dengan menyediakan panduan kerja bagi meningkatkan kefahaman terhadap tanggungjawab masing-masing sebagai pensyarah dan kakitangan awam. Setiap pensyarah dikehendaki membaca, memahami dan menandatangani "kontrak" yang disediakan

prioritinya ialah membuat penyemakan semula kurikulum (PSK) membabitkan tiga aspek iaitu penyusunan semula struktur program, kurikulum dan sistem pengurusan akademik.

Melalui perubahan itu beliau yakin dapat menanam ilmu pengetahuan, mempertajam pemikiran dan membina watak di kalangan pelajar.

Antara aspek perubahan yang akan dilakukan di bawah PSK ialah menukar konsep "sekolah" yang dilaksanakan sejak penubuhan UUM pada 1984 kepada penubuhan "fakulti" sejajar dengan perkembangan pesat universiti itu.

"Dengan perubahan ini lebih banyak bidang pengajian dapat diperkenalkan kerana setiap fakulti boleh menubuhkan beberapa jabatan yang berkaitan. Perubahan ini juga memberi peluang kenaikan pangkat kepada pensyarah dan kakitangan seperti pelantikan dekan, timbalan dekan dan ketua jabatan," katanya.

Di samping itu, beberapa perubahan besar membabitkan pelajar secara langsung akan turut diperkenalkan. Antaranya, termasuklah penggunaan kad pintar, memberi maklumat terperinci mengenai kalendar akademik sebaik saja mereka mendaftar untuk sesuatu semester, kursus kemahiran penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kursus

intensif kemahiran berbahasa Inggeris, di samping penekanan dari segi disiplin dan jati diri.

"Dalam usaha melahirkan lebih ramai pelajar cemerlang, iaitu memperoleh ijazah kelas pertama atau kedua atas, satu program memantau pelajar berpotensi terutama yang memperoleh keputusan 2.75 mata ke atas diadakan. Manakala pelajar lemah dan berkemungkinan gagal akan diadakan pendekatan khas membantu mereka, termasuk dari segi kaunseling dan bimbingan," katanya.

Menurutnya, beliau tidak akan bertolak ansur apabila pelajar mengabaikan pelajaran, terbabit dalam gerakan militan, terjerumus dalam gejala sosial dan tidak berdisiplin.

Bagi memastikan kegiatan kokurikulum dapat digerakkan dengan lebih lancar dan berkesan, beliau mengambil keputusan untuk meletakkannya di bawah pengurusan Hal Ehwal Pelajar (HEP) yang selama ini ditadbir oleh Bahagian Akademik.

"Kita akan menyemak semula silibus setiap program kokurikulum supaya lebih berkesan dan memberi manfaat maksimum kepada pelajar. Manakala pasukan beruniform Palapes yang memang terkenal itu akan terus diberi keutamaan," katanya.

Dr Ahmad Fawzi berkata, turut terbabit dalam perubahan

yang dirancang ialah kalangan pensyarah. Selain kepakaran dalam bidang masing-masing, pensyarah juga hendaklah mempunyai kemahiran mengajar atau menyampaikan ilmu. Langkah yang akan diambil bagi memenuhi matlamat itu ialah dengan mengadakan program latihan pedadogi.

"Kita akan melaksanakan program melatih pensyarah dalam tiga bidang iaitu induksi, pedadogi dan kemahiran ICT. Pensyarah yang sedang berkhidmat akan mengikuti kursus dalam perkhidmatan, manakala bagi pengambilan baru mereka dikehendaki mengikuti kursus sepenuh masa terlebih dahulu sebelum diserapkan ke jawatan masing-masing," katanya.

Beliau juga sedang berusaha supaya lebih ramai pensyarah berpeluang melanjutkan pelajaran di luar negara terutama di peringkat doktor falsafah (PhD). Kaedah yang dicadangkan ialah konsep 1 2, iaitu mereka mengambil satu tahun pengajian di universiti terpilih di luar negara manakala dua tahun lagi disempurnakan dalam negara secara pengajian jarak jauh.

"Umpamanya pada tahun ini kerajaan memperuntukkan kira-kira 30 biasiswa. Jika cadangan ini dilaksanakan kita dapat menggandakan jumlah pensyarah kepada 60 orang atau lebih kerana penjimatan kos," katanya.

Sementara itu, bagi meningkatkan komitmen dan profesionalisme, satu elemen baru akan diperkenalkan di kalangan pensyarah iaitu dengan menyediakan panduan kerja bagi meningkatkan kefahaman terhadap tanggungjawab masing-masing sebagai pen-